



MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT

TAWARAN SEBUTHARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor bumiputera yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** yang masih sah dibenarkan membuat tawaran sekurang-kurangnya tiga (3) bulan selepas tarikh tutup iklan sebut harga (**27 APRIL 2020**) bagi kerja serta syarat-syarat berikut :

Bil	No.Sebut Harga	Tajuk Kerja	Gred / Kategori / Pengkhususan
1	MPS.600-8/7/178	MENURAP SEMULA JALAN DAN MEMBAIKI PARIT SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI JLN DUTTON, JLN ALIAS DAN JLN ABD HAMID, KAMPUNG BARU, BUKIT SIPUT, SEGAMAT	Gred : G2 Kategori : CE Pengkhususan : CE01 & CE21

1. Dokumen Meja Sebut Harga akan dipamerkan dan CD-R Sebut Harga boleh diperolehi di kaunter penjualan sebut harga mulai **20 JANUARI 2020** sehingga **27 JANUARI 2020** semasa waktu pejabat dengan bayaran dalam bentuk **DRAF BANK** daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau **KIRIMAN WANG POS (MONEY ORDER)** atau **WANG KIRIMAN POS BERPALANG (POSTAL ORDER)** berjumlah **RM50.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Sahaja)** bagi setiap pembelian CD-R Sebut Harga atas nama Majlis Perbandaran Segamat.
2. Kontraktor atau wakil yang sah diwajibkan membawa **SIJIL ASAL YANG MASIH SAH, SURAT PENGESAHAN SYARIKAT (WAKIL)** dan **MENYEDIAKAN DUA (2) SALINAN** Sijil Perakuan Pendaftaran, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dari CIDB, Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari BPKU dan Perakuan Pendaftaran Perniagaan (SSM) semasa membuat pembelian CD-R Sebut.
3. Semua Dokumen Sebut Harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di Pejabat Majlis Perbandaran Segamat sebelum jam **12.00 Tengah hari** pada **27 JANUARI 2020 (ISNIN)**.

(MOHD MASNI BIN WAKIMAN)
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Segamat.